

**KEMPEN “VISA INFINITE ULTRA SPENDER” UOBM**  
**TERMA & SYARAT**  
**KAD KREDIT VISA INFINITE UOBM**

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) ('UOBM') sedang menjalankan Kempen “**VISA INFINITE ULTRA SPENDER**” ('Kempen') dari **1 Februari 2020** hingga **30 April 2020** (kedua-dua tarikh termasuk) atau apa-apa tarikh lain yang ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa (“Tempoh Kempen”).

**KELAYAKAN KEMPEN**

1. Kempen ini terbuka untuk ahli-ahli pemegang Kad Kredit Visa Infinite UOBM utama yang layak (“Ahli-Ahli Kad Layak”) seperti yang ditakrifkan di bawah:-
  - a) Akaun-akaunnya yang dimiliki dengan UOBM adalah semasa, sah dan wujud seperti yang ditentukan oleh UOBM mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya; dan
  - b) Yang tidak melanggar Perjanjian Ahli Kad MasterCard/Visa UOBM (dirujuk sebagai “Perjanjian Ahli Kad”).
2. Ahli Kad Kredit MasterCard, Korporat, Pembelian dan Label Peribadi UOBM TIDAK layak untuk menyertai Kempen.

**MEKANISMA KEMPEN**

3. Sembilan (9) Ahli Kad Layak dengan perbelanjaan kumulatif tertinggi (“Perbelanjaan Layak”) dalam Tempoh Kempen (“Kriteria Kelayakan”) di atas layak untuk disenarai pendek untuk memenangi Hadiah.
4. Perbelanjaan Layak bermula dari 1 Februari 2020 jam 00:00 (12.00 am waktu Malaysia) dan berakhir pada 30 April 2020 pada jam 23:59 (11.59pm waktu Malaysia).
5. Perbelanjaan Layak Ahli-Ahli Kad Tambahan Layak akan digabungkan dengan Perbelanjaan Layak Ahli-Ahli Kad Utama dalam Tempoh Kempen ini untuk menentukan sama ada Ahli-Ahli Kad Layak utama memenuhi Kriteria Kelayakan. Untuk mengelakkan keraguan, Kad Ahli-Ahli Tambahan tidak layak untuk dapat Hadiah kerana hanya Kad Ahli-Ahli Utama sahaja yang layak untuk dapat Hadiah.
6. Perbelanjaan Layak yang dilakukan dalam Tempoh Kempen mestilah berjaya ditangkap oleh sistem kad yang dikekalkan oleh UOBM untuk layak menyertai Kempen ini.
7. Perbelanjaan Tidak Layak adalah termasuk:
  - a) Pendahuluan Tunai;
  - b) Pemindahan Baki;
  - c) Pelan Flexi-Credit ;
  - d) Pembelian Pelan Pembayaran Easi;
  - e) Caj Kewangan;
  - f) Caj Lewat;
  - g) Yuran Tahunan;
  - h) Pecahan transaksi dan / atau tidak sah;
  - i) Penarikbalikan atau bayaran balik;
  - j) Cukai Jualan dan Perkhidmatan ; dan

- k) Urusniaga lain yang ditentukan UOBM.

Perbelanjaan Tidak Layak yang dinyatakan di atas tidak layak dibawah Kempen ini.

## HADIAH

8. Tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini, setiap Ahli Kad Layak akan layak memenangi maksimum satu (1) Hadiah dalam Kempen ini ("Hadiah").

Jenis	Hadiah	Jumlah Pemenang sepanjang Tempoh Kempen
Hadiah Pertama	Samsung 75" 4K Smart TV	2
Hadiah Kedua	Samsung Galaxy Fold phone	2
Hadiah Ketiga	Dyson Vacuum V11	4
Hadiah Keempat	Apple Ipad PRO 64 GB 11 inch	1

9. Hadiah akan dianugerahkan seperti dibawah:
- Dua (2) Ahli Kad Layak dengan Perbelanjaan Layak tertinggi akan menerima Hadiah Pertama;
  - Dua (2) Ahli Kad Layak dengan Perbelanjaan Layak tertinggi yang seterusnya akan menerima Hadiah Kedua dan dalam urutan yang sama untuk Hadiah Ketiga dan Hadiah Keempat.
10. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan dan / atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh mana-mana rakan niaga atau mana-mana dari pihak lain walaupun atas sebab-sebab lain.
11. Hadiah(-Hadiah) diberikan dalam 'keadaan sedia ada', tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau barangan lain, sama ada sebahagian atau sepenuhnya.

## PROSES PEMILIHAN PEMENANG

12. Apabila disenarai pendek, Ahli Kad Layak mesti memenuhi Kriteria Kelayakan seperti yang dinyatakan di atas ("Ahli Kad Layak Disenarai Pendek").
13. Komunikasi kepada Ahli Kad Layak Disenarai Pendek
- Ahli Kad Layak Disenarai Pendek akan dihubungi oleh wakil-wakil UOBM pada nombor telefon bimbit yang didaftarkan untuk penyertaan Kempen atau direkodkan dalam sistem UOBM pada bila-bila pada waktu pejabat. Panggilan akan dibuat kepada Ahli Kad Utama sahaja dalam masa lapan (8) minggu selepas tamatnya Tempoh Kempen.
  - Ahli Kad Layak Disenarai Pendek perlu menjawab satu (1) soalan. Ahli Kad Layak akan dianggap sebagai pemenang jika dia dapat menjawab soalan dengan betul.
  - Sekiranya Ahli Kad Layak Disenarai Pendek tidak dapat jawab soalan dengan betul atau tidak jawab/memberi balas dalam tarikh atau masa yang ditetapkan, Ahli Kad Layak tersebut akan di tarik balik sebagai Ahli Kad Layak Disenarai Pendek oleh UOBM dan Ahli Kad Layak selanjutnya dalam urutan (yang memenuhi Kriteria Kelayakan) akan disenarai pendek.

- d) Sekiranya Ahli Kad Layak yang telah disenarai pendek tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan pada hari yang sama untuk apa jua sebab, dan/ atau Ahli Kad yang disenarai pendek ingin menarik diri daripada Kempen/Hadiah setelah dihubungi oleh wakil UOBM, dia tidak layak untuk Kempen ini/Hadiah tersebut.
14. Semua Pemenang akan dimaklumkan sama ada secara bertulis atau melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) atau panggilan daripada UOBM dalam tempoh lapan (8) minggu selepas Kempen berakhir.
15. Hadiah yang dianugerahkan tidak termasuk sebarang aksesori atau barang yang ditunjukkan dalam risalah, laman web atau bahan pemasaran (jika ada) yang berkaitan dengan Kempen ini, kerana ia adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

#### **TERMA DAN SYARAT AM UOBM**

16. Dengan menyertai Kempen ini, Ahli-Ahli Kad Layak bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini dan terma dan syarat di dalam Perjanjian Ahli Kad. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan antara terma dan syarat ini dan Perjanjian Ahli Kad berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
17. Keputusan UOBM dalam semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini dan dalam hal pertikaian, adalah muktamad dan mengikat atas Ahli-Ahli Kad Layak.
18. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran bukti transaksi jualan oleh Visa, pertubuhan pedagang, pihak pos atau telekomunikasi yang berkuasa atau mana-mana pihak lain yang mungkin menyebabkan Ahli-Ahli Kad Layak tidak berhak menerima Hadiah di bawah Kempen ini.
19. Rekod transaksi yang dikekalkan oleh UOBM dan keputusan UOBM ke atas semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat atas Ahli-Ahli Kad Layak. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk memberikan apa-apa sebab atau membuat apa-apa surat-menyurat dengan mana-mana orang atas apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kempen. Tiada sebarang rayuan atau surat-menyurat dari mana-mana Ahli-Ahli Kad akan dilayan.
20. UOBM tidak bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyataan fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan Kempen dan / atau Hadiah yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
21. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk (termasuk kecederaan, kerugian atau kerosakan akibatnya) dan bagaimanapun timbul atau dialami oleh Ahli-Ahli Kad dan / atau pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen dan/atau Hadiah, melainkan jika timbul daripada kecuaiannya atau salah laku semata-mata UOBM
22. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan nyata mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, waranti atau pengendorsan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada mereka diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan, berkenaan dengan Kempen ini dan Hadiah dalam Kempen ini termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian Hadiah tersebut.

23. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan antara terma dan syarat ini dengan sebarang terma dan syarat yang dinyatakan pada mana mana iklan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan diguna pakai.
24. UOBM berhak untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah terma dan syarat Kempen ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli-Ahli Kad melalui paparan di laman web UOBM, memaparkan notis di mana-mana cawangan UOBM dan/atau memasukkan pernyataan dalam penyata Akaun Ahli Kad Layak, dan apa-apa cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.
25. UOBM berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan, perlanjutan, penarikan balik, atau penggantungan Kempen ini oleh UOBM tidak melayakkan Ahli-Ahli Kad untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOBM untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Ahli-Ahli Kad sama ada sebagai langsung atau akibat tidak langsung dari apa-apa pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan.
26. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli-Ahli Kad bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

**TAMAT**